

## KENYATAAN AKHBAR BERSAMA

28 September 2024

### Memperingati Hari Antarabangsa untuk Akses Sejangat kepada Maklumat (IDUAI) 2024: Elakkan Penangguhan Hak Mendapatkan Maklumat

Pada 28hb September, masyarakat sedunia meraikan Hari Antarabangsa untuk Akses Sejangat kepada Maklumat (International Day for Universal Access to Information - IDUAI), di samping hari untuk Centre for Independent Journalism (CIJ), Center to Combat Corruption and Cronyism (C4 Center), ARTICLE 19, dan Sinar Project memperingati kerja-kerja kami dalam hak mendapatkan maklumat (Right to Information - RTI) serta keperluan mendesak untuk meningkatkan ketelusan dan keadilan maklumat di Malaysia.

Tema IDUAI bagi tahun ini ialah [“Mengutamakan Akses kepada Maklumat dan Penyertaan dalam Sektor Awam”](#). Perkembangan ini adalah wajar untuk Malaysia bergerak ke arah mendapat undang-undang Hak Mendapatkan Maklumat (RTI) di peringkat persekutuan. Malaysia adalah selangkah dalam memaknai tema ini seiring dengan pelaksanaan hak mendapatkan maklumat yang mudah dicapai dan tersedia untuk pihak awam di Malaysia. Malah, dalam kerangka yang terbuka dan membina, perkara ini seharusnya menguatkan demokrasi dengan memperkasa penyertaan orang ramai dalam hal yang melibatkan kepentingan awam. Oleh itu, kami menggesa kerajaan untuk menubuhkan sebuah undang-undang dan rangka kerja RTI yang menyeluruh dan kukuh tanpa penangguhan.

Undang-undang ini penting untuk memelihara kebebasan dan hak awam kerana RTI adalah sebahagian daripada hak kebebasan bersuara yang termaktub di bawah Artikel 10 dalam Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 19 dalam Perisytiharan Sejangat Hak Asasi Manusia. RTI haruslah meletakkan asas bahawa semua maklumat yang disimpan oleh badan awam, secara prinsipnya adalah awam dan boleh diakses oleh semua. Kerajaan hanya bertindak sebagai penjaga amanah bagi pihak awam berbanding sebagai penyaring maklumat. Pendedahan secara proaktif mengenai maklumat awam akan memperkasa orang ramai, menyemai kepercayaan terhadap kerajaan, membanteras amalan rasuah selama berdekad dan penyalahgunaan kuasa, serta kecuaiannya pengurusan kewangan yang berasaskan amalan kerahsiaan.

Maka, bersempena tema IDUAI pada tahun ini dan untuk menjamin keutamaan akses terhadap maklumat kerajaan, kami menyeru kerajaan untuk melaksanakan undang-undang dan rangka kerja RTI tanpa sebarang penangguhan di samping mengambil kira beberapa prinsip tanpa kompromi:

#### 1. **Terbuka Secara Piawai**

Undang-undang RTI haruslah bersandarkan pada prinsip bahawa semua maklumat disimpan badan awam dan harus terbuka secara piawai. Maklumat hanya boleh disimpan atau tidak didedahkan jika ada asas sah yang mengiktirafnya di bawah undang-undang

hak asasi antarabangsa seperti keselamatan negara, pertahanan, perlindungan privasi dan maklumat peribadi, perdagangan antarabangsa, dan penguatkuasaan undang-undang.

Pendedahan maklumat haruslah tidak bergantung pada niat baik kerajaan dan sebaliknya mengikut prinsip pendedahan maksimum. Orang awam mempunyai hak untuk mencari dan menerima maklumat; serta mengaksesnya pada waktu yang tepat dan mudah dicapai.

Berdasarkan perkara di atas, undang-undang ini haruslah menyatakan asas pengecualian ketidakdedahan maklumat secara jelas dan terhad berdasarkan standard antarabangsa mengenai keabsahan (*legitimacy*), keperluan (*necessity*), dan kesejajaran (*proportionality*) serta tertakluk pada ujian mudarat dan kepentingan awam.

## **2. Menjamin Penubuhan Badan Pemantau RTI yang Bebas**

Sebuah badan pemantau yang bebas diperlukan untuk mengawasi pelaksanaan undang-undang RTI, sekali gus memastikan keberkesannya. Autonomi dan kemampuannya untuk berfungsi tanpa gangguan mesti dilindungi oleh perlindungan undang-undang yang teguh.

Dalam kata lain, badan ini haruslah bebas daripada pengaruh politik dan menerima sumber kewangan dan sumber manusia secara tersendiri untuk melaksanakan fungsinya. Badan ini haruslah mempunyai kuasa untuk menerima rayuan terhadap penolakan pendedahan maklumat, mengarahkan pendedahan maklumat oleh badan awam, dan mengeluarkan arahan pentadbiran dan sekatan perundangan terhadap badan awam yang gagal mematuhi undang-undang RTI.

## **3. Mansuh atau Pinda Undang-undang Lain bagi Memastikan Penyelarasan dengan Undang-undang RTI yang Baharu**

Undang-undang yang menyekang RTI haruslah dikaji atau dimansuhkan untuk memberi laluan terhadap sebuah pelaksanaan kukuh dalam undang-undang RTI. Undang-undang sedia ada, khususnya Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Seksyen 203A dalam Kanun Keseksaan haruslah tidak mengekang rangka kerja RTI yang menyeluruh. Undang-undang ini haruslah dimansuhkan atau dipinda untuk mengutamakan premis undang-undang RTI. Selain itu, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 juga haruslah dipinda untuk memastikan penyelarasan yang berkesan dengan rangka kerja undang-undang RTI.

Kami menekankan semula bahawa terdapat keperluan untuk sebuah pertukaran budaya dalam kalangan badan awam untuk menuju amalan ketelusan dan akauntabiliti. Pandangan umum bahawa kerajaan mengetahui segalanya serta pihak awam dijauhkan dari hal ehwal birokrasi tidak lagi relevan kerana kita mahu bergerak ke arah demokrasi yang matang di Malaysia. Sesebuah dasar haruslah dirangka dan dilaksanakan untuk mewujudkan sebuah skim penerbitan yang proaktif dan cekap serta keberkesanan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat. Secara tidak langsung, perkara ini akan membina sebuah kebertanggungjawaban untuk memastikan sumber dan latihan yang mencukupi untuk badan awam beroperasi dan mengekalkan inisiatif tersebut.

Dengan cara memperingati IDUAI, kami berharap agar dapat meneruskan kerjasama dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU), pemegang taruh kerajaan yang lain, ahli parlimen, rakan-rakan CSO dan orang awam untuk menyokong undang-undang RTI persekutuan yang mengambil amalan terbaik antarabangsa ke dalam konteks domestik. Namun, kerjasama ini haruslah didasarkan pada kenyataan bahawa kita berkongsi tujuan yang sama untuk menggubal undang-undang RTI tanpa penangguhan serta mewujudkan rangka kerja RTI yang menyeluruh untuk memenuhi kepentingan awam. Dalam jangka panjang, undang-undang ini akan melahirkan sebuah Malaysia yang lebih baik dan telus melalui kekuatan tadbir urus data dan demokrasi.

**28 September 2024**

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi*

1. Wathshlah Naidu, Pengarah Eksekutif, Centre for Independent Journalism, [exec\\_director@cijmalaysia.net](mailto:exec_director@cijmalaysia.net)
2. Pushpan Murugiah, Ketua Pengawai Eksekutif, the Center to Combat Corruption and Cronyism, [pushpan@c4center.org](mailto:pushpan@c4center.org)
3. Nalini Elumalai, Pegawai Kanan Program Malaysia, ARTICLE 19, at [Nalini.Elumalai@article19.org](mailto:Nalini.Elumalai@article19.org).
4. Khairil Yusof, Penyelaras, Sinar Project, [khairil.yusof@sinarproject.org](mailto:khairil.yusof@sinarproject.org)